



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM NEGERI  
Aras 12-14, Blok A  
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah  
Jalan Sulaman, Teluk Likas,  
88400 KOTA KINABALU  
Tel.: 088-368600, 368601



Bil. JPAN: 100-4/19/3 JLD.2 (147)

25 September 2020

Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri  
Semua Ketua Jabatan Negeri  
Semua Pegawai Daerah/ Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil  
Semua Ketua Pegawai Eksekutif Badan-Badan Berkanun  
Semua Ketua Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Datuk/ Tuan/ Puan,

### **ARAHAN KUARANTIN KENDIRI DAN BEKERJA DARI RUMAH SELAMA 14 HARI**

Dengan hormatnya, perkara tersebut di atas dirujuk.

2. Selaras dengan perkembangan terkini mengenai wabak COVID-19 di Sabah dan Pilihan Raya Umum Dewan Undangan Negeri Sabah ke-16, semua Ketua Organisasi hendaklah mengeluarkan arahan kepada kakitangan di bawah jagaan masing-masing yang akan mengundi di zon merah COVID-19 (Tawau, Lahad Datu, Semporna dan Kunak) untuk menjalani kuarantin sendiri selama 14 hari selepas menjalankan tanggungjawab sebagai pemilih. Dalam masa yang sama, Ketua Organisasi hendaklah juga mengeluarkan surat arahan bekerja dari rumah kepada kakitangan berkenaan mulai dari 27 September 2020.

3. Semua penjawat awam hendaklah sentiasa mematuhi *Standard Operating Procedure (SOP)* yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia pada setiap masa. Kegagalan untuk mematuhi *Standard Operating Procedure (SOP)* dan peraturan serta arahan dalam surat ini boleh dikenakan tindakan tatatertib menurut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008.

4. Bersama-sama kita berdoa, berusaha dan bertekad serta bertindak untuk memutuskan rantaian penularan wabak COVID-19.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH”**

Saya yang menjalankan amanah,

**( DATUK (DATU) ROSMADI DATU SULAI )**  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Negeri

**“MEMBASMI DADAH, KEWAJIBAN KITA”**